

SINTAKSIS KATA GANTI NAMA DALAM BAHASA KINTAQ

Nur Anis Syafiqa ZULKEFLI^{*1}
Fazal Mohamed Mohamed SULTAN²
Muhamad Asytar Mohamad Noor ROPIAH³
Nur Faqihah Hanim Muhamed SANARI⁴
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
¹syafiqazulkefli23@gmail.com
²fazal@ukm.edu.my
³asytarmnr@gmail.com
⁴faqihahsanari@gmail.com

Manuscript received 21 October 2023

Manuscript accepted 17 November 2024

**Corresponding author*

<https://doi.org/10.33736/ils.6201.2024>

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan tentang Kata Ganti Nama (KGN) yang wujud dalam bahasa suku Kintaq di Perak menerusi analisis sintaksis. KGN merupakan penanda untuk mewakili orang yang sedang bercakap, orang yang mendengar dan orang ketiga yang dimaksudkan dalam sesuatu perbualan. Pengkaji telah mengadakan kajian lapangan ke penempatan yang didiami oleh penutur natif Kintaq iaitu Kampung Bukit Asu, Lenggong, Perak. Kajian ini akan menumpukan kepada setiap kategori Kata Ganti Nama Diri (KGND), iaitu KGND Pertama, KGND Kedua dan KGND Ketiga suku Kintaq. Data yang diambil ialah data primer kerana data ini telah dikumpulkan melalui kaedah temu bual penutur natif suku Kintaq semasa pengkaji menjalankan kajian lapangan. Hasil kajian mendapati terdapat lapan leksikal KGN secara keseluruhannya. Pecahan leksikal tersebut ialah tiga KGND Pertama, dua KGND Kedua dan tiga KGND Ketiga. Program Minimalis juga membantu kajian ini untuk memberikan fitur kepada KGN Kintaq yang mempunyai kasus nominatif, akusatif mahupun genitif apabila berada pada kedudukan tertentu dalam ayat.

Kata Kunci: Orang asli Negrito; Kintaq; kata ganti nama; Program Minimalis

SYNTAX OF PRONOUNS IN KINTAQ LANGUAGE

ABSTRACT

This paper reports a syntactic analysis of pronouns that exist in the language of the Kintaq tribe in Perak. Pronouns is a marker to represent the person who is speaking, the person who is listening and the third person referred to a conversation. The researcher conducted a field study in Kampung Bukit Asu, Lenggong, Perak, a settlement inhabited by native Kintaq speakers. This study focuses on each category of pronouns which are First Personal Pronouns, Second Personal Pronouns and Third Personal Pronouns of the Kintaq tribe. The data were primary data because they were collected by interviewing native speakers of the Kintaq tribe. The results of the study found that there are eight lexical pronouns in total. The lexical fragments are three First Personal Pronouns, two Second Personal Pronouns and three Third Personal Pronouns. The Minimalist Program also assists this study in providing features to the Pronouns of Kintaq tribe that have nominative, accusative, or genitive cases when in certain positions in the sentence.

Keywords: *Negrito Natives; Kintaq; pronouns; Minimalist Program*

Pengenalan

Sintaksis merupakan satu cabang di bawah ilmu linguistik yang memainkan peranan dalam kajian struktur ayat (Carnie, 2011). Bahkan, bidang ini juga bukan sahaja menekankan kepada pembinaan ayat semata-mata, namun menganalisis hukum-hukum yang menentukan cara setiap leksikal disusun dalam ayat sehingga terbentuknya satu ayat yang bermakna.

Terdapat pelbagai kajian sintaksis yang telah dijalankan oleh para pengkaji dengan fokus kajian yang berbeza. Bagi kajian ini, kajian sintaksis yang dijalankan ialah analisis terhadap Kata Ganti Nama (KGN) bagi orang asli Negrito, khususnya suku Kintaq. Secara umum, terdapat empat jenis KGN, iaitu KGN diri, KGN panggilan, KGN tanya dan KGN tunjuk (Jalaluddin, 2001). Penggunaan jenis kata ini banyak digunakan dalam pertuturan, iaitu komunikasi itu akan menjadi lebih mudah kerana adanya elemen yang boleh merujuk kepada pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu proses komunikasi.

Komuniti orang asli Negrito merupakan antara masyarakat orang asli yang wujud di Malaysia, seperti Melayu-Proto dan Senoi. Memiliki jumlah penuturnya yang terendah, berbanding dengan Melayu-Proto dan Senoi, masyarakat orang asli Negrito berjumlah hampir 5,009 orang sahaja penuturnya (Jabatan Kemajuan Orang Asli [JAKOA], 2021). Oleh yang demikian, hampir majoriti suku kaum orang asli Negrito berpusat di Semenanjung Malaysia, khususnya di negeri Kelantan, Pahang, Terengganu, Perak dan Kedah. Seperti suku kaum orang asli yang lain, orang asli Negrito juga turut mempunyai suku kaumnya yang tersendiri, sama seperti komuniti orang asli yang lain, seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.

Rajah 1

Senarai Suku Kaum Orang Asli Mengikut Kaum Utama



(Sumber: Yusop & Sabak, 2018)

Kepelbagaian suku kaum dalam masyarakat orang asli juga melahirkan perbezaan penggunaan bahasa dalam kalangan suku kaum masing-masing. Sama seperti dialek, kewujudan perbezaan bahasa juga melahirkan perbezaan penggunaan KGND dalam kalangan komuniti orang asli Negrito yang merupakan antara rumpun bahasa Austrosiatisk. Oleh yang demikian, perbezaan tersebut dapat dilihat melalui komunikasi harian mereka dan sosioekonomi serta geografi penempatan suku kaum masing-masing. Masyarakat orang asli Negrito yang mengamalkan gaya hidup memungut hasil hutan masih lagi tinggal di kawasan berdekatan bukit-bukit dan pedalaman hutan ekoran daripada kegiatan mereka yang mengambil masa untuk memasuki hutan demi mencari hasil hutan sebagai keperluan harian mereka. Justeru, gaya hidup mereka masih lagi sama seperti kegiatan asal orang asli dan hanya sebilangan kecil daripada masyarakat mereka yang mula untuk menceburi bidang-bidang kerani (JAKOA, 2021). Melihat kepada gaya hidup komuniti orang asli Negrito, kajian ini memberikan tumpuan kepada sintaksis bahasa Kintaq, iaitu antara bahasa suku kaum orang asli Negrito yang berpusat di negeri Perak. Seperti suku kaum yang lain, suku kaum Kintaq turut mempunyai keunikan dalam pembentukan ayatnya yang memiliki syarat-syarat untuk memastikan setiap leksikal yang digunakan dalam ayat berada pada posisi yang tepat agar ayat yang dibina gramatis dan boleh difahami, seperti kajian yang dilakukan oleh Sultan dan Ramli (2015) mengenai kata ganti nama diri bahasa Mendriq, suku kaum Negrito yang lain.

Tidak ketinggalan, isu kekurangan kajian terhadap orang asli Negrito ini boleh dianggap sebagai satu ancaman terhadap etnik mereka kerana komuniti ini berupaya untuk kehilangan identiti mereka dalam masa yang singkat. Oleh sebab itu, kajian yang dijalankan ini adalah satu inisiatif yang memberi manfaat kepada kelompok ini sendiri. Penggunaan pendekatan yang bersesuaian bagi menganalisis sintaksis bahasa Kintaq juga membolehkan perbincangan yang baik dapat diulas dalam kajian ini agar kajian ini dapat dijadikan panduan kelak. Maka, bahasa komuniti orang asli di Malaysia haruslah terus diselidiki supaya bahasa yang digunakan oleh mereka dapat dipelihara, dan dijaga sebagai warisan negara.

Bahasa Orang Asli Negrito

Datuk Anthony Ratos telah memperkenalkan istilah orang asli Negrito yang kemudiannya dikemukakan kepada Kirby's Teacher College di Liverpool, United Kingdom (Radzi et al., 2011). Menurut statistik yang diperolehi daripada JKOA (2021), negeri-negeri lain paling ramai didiami oleh masyarakat ini ialah Pahang, Perak dan Kelantan, yang kemudiannya diikuti oleh negeri Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Kedah dan Terengganu. Walaupun dunia semakin berubah, gaya hidup masyarakat orang asli yang sering berpindah-randah masih tetap sama kerana sehingga kini penempatan mereka boleh dijumpai di kawasan pedalaman, kawasan hulu sungai, kawasan persisiran pantai ataupun di kawasan pinggir hutan yang berdekatan dengan kampung Melayu. Faktor lokasi kediaman di kawasan pedalaman amatlah penting bagi masyarakat ini dalam pencarian penempatan baharu bagi memastikan kelangsungan hidup mereka berterusan dengan sumber-sumber alam semula jadi yang berdekatan dengan mereka. Kini, orang asli masih mengamalkan amalan hidup, sistem kepercayaan dan bahasa tertua di negara ini (JAKOA, 2021).

Meskipun kebanyakan masyarakat orang asli masih mengamalkan tradisi nenek moyang mereka, namun masih ada perubahan yang akan berlaku terutamanya terhadap bahasa mereka sekiranya mereka sudah boleh menjalani kehidupan bersama masyarakat Melayu pada waktu kini. Bahasa mereka akan menjadi terancam kerana tiada pembelajaran secara formal terhadap bahasa mereka walaupun dalam kalangan suku mereka sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahasa mereka diwarisi daripada nenek moyang mereka dan perubahan akan berlaku apabila masyarakat mereka mula berasimilasi dengan masyarakat Melayu tempatan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti penggunaan KGN yang sememangnya banyak digunakan dalam sesuatu proses komunikasi. Kajian ini menumpukan kepada suku kaum orang asli Negrito Kintaq sahaja. Suku kaum ini dipilih disebabkan oleh peratus bilangannya adalah antara yang terendah berdasarkan statistik daripada JKOA (2021) dalam kalangan orang asli Negrito di Semenanjung Malaysia, iaitu seramai 112 orang yang merangkumi 25 buah keluarga (JAKOA, 2022).

Seperti komuniti orang asli di Malaysia, penggunaan KGN dalam masyarakat orang asli pada peringkat antarabangsa juga mempunyai keunikan tersendiri dalam penggunaannya dalam ayat. Rumpun bahasa Austroasiatik yang turut melibatkan komuniti orang asli Negrito dan beberapa masyarakat orang asli yang lain membuktikan bahawa setiap suku kaum orang asli mempunyai leksikal-leksikal tersendiri yang berbeza untuk digunakan sebagai KGND dalam komunikasi harian mereka. Kajian bahasa orang asli Austroasiatik seperti suku kaum Tondano dikaji oleh Brickell (2023) di kepulauan Sulawesi, Indonesia. Kajian tersebut merangkumi fonologi, morfologi, dan sintaksis, dengan perhatian khusus diberikan kepada sistem penandaan suara simetri dan kesannya terhadap pelbagai bahagian tatabahasa. KGND dalam bahasa Tondano didapati menggunakan beberapa leksikal *kèy* sebagai "kami" yang digunakan dalam ayat, sama ada boleh berdiri sendiri mahupun menjadi apitan anaforik. Dalam bahasa Tondano juga menunjukkan bahawa penggunaan beberapa apitan dalam bahasa tersebut yang diapit dalam KN memberikan subjek dalam ayat tersebut tanpa memerlukan kehadiran leksikal KN atau KGND sebagai

subjek dalam ayat. Maka, kajian tersebut memberikan panduan kepada kajian yang dilakukan ini untuk pengkaji menganalisis dan membincangkan KGND dalam bahasa Kintaq, iaitu sekiranya leksikal KGND bahasa Kintaq boleh berdiri sebagai leksikal atau perlu diapit.

Walaupun golongan ini telah lama menetap di semenanjung Malaysia, namun didapati sedikit kajian dilakukan kerana pengasingan mereka daripada masyarakat tempatan. Hanya beberapa kajian didapati telah dijalankan ke atas orang asli Negrito suku lain seperti Sultan (2009), Sultan, Jalaluddin dan Radzi (2010), Radzi, Sultan, Ahmad dan Jalaluddin (2011), Sultan dan Ramli (2015), dan Abd Ghani dan Che Lah (2015).

Merumuskan perbincangan kajian lampau ini, kajian-kajian mengenai bahasa orang asli diberikan tumpuannya kepada sudut linguistik bermula dari peringkat fonetik sehinggalah sintaksis untuk menganalisis penggunaan bahasa tersebut dalam komunikasi harian. Fokus kajian ini yang memberikan tumpuan kepada KGND dalam bahasa Kintaq dapat memberikan gambaran kepada masyarakat mengenai leksikal-leksikal yang terlibat, yang digunakan oleh penutur bahasa Kintaq untuk membina ayat dalam bahasa orang asli dengan menggantikan KN dalam ayat menggunakan KGND sebagai subjek dalam ayat. Sehubungan itu, kajian ini hanya memberikan tumpuan kepada jenis KGND dalam bahasa Kintaq dan penggunaannya dalam struktur ayat bahasa tersebut berdasarkan kasus atau posisi leksikal tersebut dalam ayat.

Responden dan Kawasan Kajian

Melalui kajian ini, pengkaji telah meletakkan beberapa penanda aras yang dipecahkan kepada tiga bahagian dalam membantu pengkaji untuk memperoleh data yang telus. Tiga bahagian tersebut dipecahkan kepada kategori KGN, responden kajian dan penempatan suku orang asli Negrito yang terpilih. Bagi kategori KGN, pengkaji memfokus kepada KGN pertama, KGN kedua dan KGN ketiga. Tambahan pula, buku yang bertajuk *Pronouns: Structure, acquisition and processing* yang disunting oleh Sultan dan Othman (2021) telah memberikan pandangan tentang proses kognitif yang terlibat dalam penggunaan KGN dan peranan KGN dalam pemprosesan bahasa. Oleh sebab itu, mana-mana bahasa sekalipun memerlukan KGN untuk memastikan kesampaian maksud yang diinginkan. Kedua, pemilihan responden yang ditetapkan oleh pengkaji dihadkan kepada dua orang responden sahaja. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mendalami pengalaman subjektif responden. Pendekatan ini juga sangat sesuai untuk kajian dengan saiz sampel yang kecil, serta membolehkan analisis mendalam tentang pengalaman responden dan bukannya berpandukan statistik semata-mata (Creswell, 2013). Dua orang responden tersebut mestilah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji seperti penutur natif yang fasih dalam bahasa Kintaq dan bahasa Melayu serta tinggal di penempatan mereka sejak lahir lagi. Maklumat ini penting bagi pengkaji memperoleh data asli bagi setiap suku yang terlibat. Selain itu, mereka mestilah berumur dalam lingkungan golongan dewasa sehingga warga tua. Penutur generasi muda tidak diambil sebagai responden disebabkan oleh faktor percampuran bahasa dengan masyarakat tempatan. Perkara ini mudah berlaku kerana generasi ini mudah terikut-ikut dengan bahasa atau trend semasa walaupun mereka tinggal di kawasan pedalaman.

Ketiga, penempatan bagi suku Kintaq merentasi banjaran Titiwangsa di Semenanjung Malaysia dan meliputi sebahagian negeri Kedah dan negeri Perak. Penempatan suku kaum ini boleh dijumpai di kawasan Hulu Perak. Pengkaji telah melakukan kajian lapangan ke Kampung Bukit Asu, iaitu kedua-dua kampung ini didiami oleh suku Kintaq. Maklumat tentang keberadaan penempatan mereka telah diperoleh daripada pihak JAKOA sendiri dan memerlukan bantuan mereka mengiringi pengkaji untuk memasuki kampung tersebut. Pengkaji juga telah mendapatkan kerjasama daripada Tok Batin Rizal, iaitu penghulu di kampung tersebut. Melalui kajian ini, pertimbangan etika adalah penting. Pengkaji telah mendapatkan persetujuan daripada responden, memastikan mereka memahami tujuan dan prosedur yang dilakukan. Pengkaji juga perlu peka akan sensitiviti budaya, menghormati adat dan kepercayaan suku Kintaq.

Konsep Kata Ganti Nama Diri

Kata ganti nama diri (KGND) merupakan kata yang tergolong dalam frasa nama. Penggunaan KGND menggantikan KN yang berperanan sebagai subjek dalam ayat dan turut mengambil alih tugas nama khas (Hassan, 1973). Frasa, yang boleh digolongkan kepada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa posisi mempunyai peranan masing-masing dalam membentuk ayat yang gramatis (Karim et al., 2004). Berdasarkan jenis-jenis frasa, frasa nama memerlukan kata nama sebagai kepala dalam ayat untuk memberikan ayat mempunyai makna. Frasa nama bahasa Melayu boleh terdiri daripada ciri nama yang perlu diikuti penerang kata sifat (Soh, 2000). Sultan (2009) menerangkan bahawa penggunaan kata nama adalah sebagai subjek yang memerlukan objek untuk berfungsi dalam ayat. Oleh yang demikian, kata nama mahupun KGND merupakan kata yang mudah untuk dikenal pasti kerana posisinya yang perlu berada sebagai kepala ayat. Sekiranya objek atau predikat ayat mendahului subjek, maka ayat tersebut akan menjadi janggal dan tidak difahami oleh pendengarnya. Ayat (a) dan (b) berikut yang mempunyai subjek "kami" dan objeknya "berlari" menunjukkan bahawa KGND memerlukan predikat atau ayat tersebut tidak gramatis:

- a. Kami berlari
- b. *berlari kami

Oleh yang demikian, penggunaan KGND adalah berbeza peraturan dan syaratnya dalam bahasa yang wujud di dunia. Perbezaan posisi kata nama atau KGND yang hadir dalam pembentukan ayat mempunyai ciri unik yang pelbagai dalam bahasa di dunia. Wujud juga KGND yang memiliki fitur bilangan, kata tugas, jantina dan kelas dibawa bersamanya dalam ayat, menggantikan leksikal dalam pembinaan ayat, seperti yang diulas oleh Sultan (2009). Maka, kajian ini memberikan tumpuan untuk merungkai penggunaan KGND dalam bahasa Kintaq untuk mengetahui fungsi dan posisi leksikal KGND dalam pembinaan ayat bahasa Kintaq.

Seperti yang diterangkan oleh Chomsky (1995), setiap kata nama mempunyai atau ditandai dengan kasus yang jelas berdasarkan posisi dalam ayat. Maka, KGN, yang juga berada di bawah kategori kata nama sewajarnya memiliki kasus-kasus yang

telah diuraikan oleh Chomsky dalam sintaksis. Sekiranya KGN berfungsi sebagai subjek, maka kasus nominatif diberikan kepada KGN tersebut. Begitu juga dengan objek atau pemilik, kasus akusatif atau genitif akan ditandakan kepada KGN atau KGN tersebut sudah memiliki kasus-kasus berkaitan berdasarkan posisi mereka. Oleh itu, perbincangan mengenai kasus-kasus pada KGN bahasa Kintaq akan diterangkan berdasarkan huraian deskriptif yang dipandukan rajah pohon bagi memperlihatkan pergerakan KGN dalam ayat.

Kata Ganti Nama Suku Kintaq

Berdasarkan dapatan kajian, KGND dalam bahasa Kintaq menduduki posisi subjek sebagai pelaku dalam ayat tersebut. Posisi subjek diletakkan pada kepala ayat agar subjek ayat tersebut dapat difahami dengan jelas pelakunya. KGND bahasa Kintaq, seperti bahasa Melayu, terbahagi kepada tiga, iaitu pertama, kedua dan ketiga. Maka, seperti bahasa Melayu, KGND pertama, kedua dan ketiga merupakan KGND yang membawa fitur tunggal atau jamak bersamanya. Perbincangan mengenai fungsi dan kegunaan KGND dalam bahasa Kintaq dijelaskan pada subtopik berikut.

Kata Ganti Nama Diri Pertama


Umumnya, pada KGND pertama, penggunaan KGN ini akan merujuk kepada orang yang pertama dalam ayat yang dibentuk. Dalam bahasa Kintaq, *yek* merupakan KGND pertama dalam bahasa Kintaq, yang membawa maksud *saya*. Penggunaan *yek* berperanan sebagai subjek dalam ayat, objek dan juga pemilik. Ayat (1) dan (2) merupakan contoh bagi KGND pertama.

1. *yek* *chup* *pek* *pasa*
Saya pergi ke pasar
Saya pergi ke pasar.
2. *ei* *yek* *sapuh* *cemin*
Ayah saya sapu cermin
Ayah saya mengelap cermin.

Merujuk ayat (1) dan (2), kedua-dua ayat tersebut menggunakan *yek* sebagai subjek atau pemilik dalam ayat. Penggunaan *yek* dalam ayat membuktikan bahawa KGND pertama dalam bahasa Kintaq boleh membawa fungsi subjek mahupun pemilik berdasarkan posisi KGN tersebut. Pada ayat (1), *yek* berada pada posisi subjek, menjadi pelaku bagi ayat tersebut, yang berada sebelum kata kerja *chup*, pergi dan *pek pasa* sebagai pelengkap ayat. Keadaan ini menunjukkan bahawa maklumat pada ayat tersebut sudah lengkap dan boleh difahami oleh pendengar mengenai subjek *yek*, KGND *saya*, yang *pergi ke pasar*. Bagi penggunaannya sebagai pemilik, ayat (2) menunjukkan bahawa *yek* berada selepas kata nama *ei*, yang membawa maksud *ayah* diikuti dengan kata kerja *sapuh cemin* yang memberi maklumat bahawa *ayah saya mengelap cermin* pada ayat (2). Rajah 2 menunjukkan rajah pohon bagi ayat (1) mengenai posisi *yek* sebagai KGND pertama.

Rajah 2


Rajah Pohon Ayat (1)



Berdasarkan rajah pohon bagi ayat (1), penggunaan *yek* dilihat meninggalkan bekas di bawah Fk untuk menjadi subjek yang bergerak di bawah kepala Fkala. Maka, ayat berikut menjadikan *yek* sebagai subjek dalam ayat untuk memberikan maklumat mengenai ayat berikut *yek chup pek pasa* yang bermaksud *saya pergi ke pasar*. Maka, bagi penggunaan *yek* sebagai subjek, leksikal tersebut bergerak ke kepala Fkala untuk menjadi subjek dalam ayat dalam bahasa Kintaq bagi mengisi kekosongan spek dalam ayat berdasarkan keserasian, maka, KGND *yek* dipilih untuk mengisi kekosongan pada peringkat penyemakan fitur [N, tunggal]. Bagi kasus genitif (pemilik), rajah pohon bagi ayat berikutnya adalah seperti dalam Rajah 3.

Rajah 3

Rajah Pohon Ayat (2)



Bagi tujuan pemilik, posisi *yek* berada selepas KN untuk merujuk kepunyaan KN tersebut. Bagi rajah pohon ayat (2), *ei* yang merujuk kepada *ayah* digandingkan bersama *yek* selepasnya untuk menunjukkan bahawa subjek dalam ayat tersebut ialah *ayah saya*, atau *ei yek*. Oleh itu, bagi ayat tersebut, subjek dalam ayat *ei yek* diberikan penerangan pemiliknya dengan kehadiran *yek* selepas KN *ei*.


Bagi KGND *kita* atau *kami*, penggunaan *yam* tiada perbezaannya dengan bahasa Melayu kerana penggunaannya boleh dijadikan sebagai subjek mahupun pemilik dalam ayat. Ayat (3) merupakan contoh penggunaan *yam* dalam ayat yang membawa maksud *kita* dalam terjemahan dalam bahasa Melayu.

3. *yam* chik samak samak
 Kita makan sama sama
 Kita makan bersama-sama.

Berdasarkan ayat (3), *yam* merujuk kepada kumpulan orang pertama dalam keadaan jamak yang hadir sebelum kata kerja *chik* dan menunjukkan bahawa perbuatan tersebut dilakukan secara beramai-ramai. Kehadiran *yam* dengan memasukkan pelaku kumpulan orang pertama dalam ayat sebagai maklumat bahawa perbuatan tersebut dilakukan secara beramai-ramai. Rajah 4 menerangkan mengenai posisi *yam* dalam ayat.

Rajah 4

Rajah Pohon Ayat (3)



Penggunaan *yam* sebagai KGND pertama jamak mempunyai peranan sintaksis yang sama seperti KGND tunggal *yek*. Posisi *yam* perlu berada pada posisi subjek untuk menjadi kepala bagi ayat seperti rajah pohon ayat (3). Leksikal *yam* yang meninggalkan bekas untuk menjadi subjek menunjukkan subjek dalam ayat tersebut membawa fitur jamak untuk memberikan maklumat bagi ayat tersebut.

Ayat (4) pula menunjukkan penggunaan *yam* sebagai pemilik dalam ayat dan hadir selepas kata nama *hiyak* yang membawa maksud rumah. Berikut merupakan contoh ayat (4) mengenai penggunaan *yam* sebagai pemilik dalam ayat:


4. *hiyak yam jenoh*
 Rumah kami bersepah
 Rumah kami bersepah.

5. **yam hiyak jenoh*
 Rumah kami bersepah
 Rumah kami bersepah.

Berdasarkan ayat (4), *yam* hadir selepas kata nama *hiyak* menunjukkan bahawa *rumah* tersebut merupakan kepunyaan penutur untuk menerangkan keadaan rumah tersebut dengan kehadiran kata adjektif *jenoh* yang membawa maksud bersepah. Walau bagaimanapun, sekiranya KGND *yam* mendahului kata nama *hiyak*, maka ayat tersebut akan menjadi janggal. Berdasarkan ayat (5), tiada perubahan yang berlaku pada *yam* kerana KGND tersebut boleh hadir sebagai subjek atau pemilik berdasarkan posisinya dalam ayat. Rajah 5 merupakan rajah pohon bagi menerangkan struktur ayat (4).

Rajah 5

Rajah Pohon Ayat (4)



Pemilikan bagi KGND pertama jamak mempunyai peraturan yang sama seperti bahasa Melayu, yang menunjukkan bahawa leksikal KGND perlu berada selepas KN untuk menggambarkan pemilikan bagi KN dalam ayat seperti rajah pohon ayat (4). Leksikal *hiyak* yang merujuk kepada “rumah” digandingkan bersama *yam* untuk merujuk kepada pemilikan “rumah kami”. Oleh itu, *hiyak yam* yang menjadi


subjek dalam ayat tersebut digandingkan bersama adjektif *jenuh* untuk menjadikan ayat mempunyai maklumat yang bermakna.

Bagi ayat (6) pula, penggunaan *kami* dalam bahasa Kintaq mempunyai perbezaan kerana *kami* perlu digandingkan bersama dengan kata bilangan *jenuh* yang membawa maksud *semua* dalam bahasa tersebut. *Bom* pada dasarnya membawa maksud *ramai* dalam bahasa Kintaq, namun apabila diletakkan bersama *jenuh*, maksud *bom* berubah kepada *kami semua* daripada gabungan *bom jenuh*.

6. *bom jenuh chik samak samak*
 Kami semua makan sama sama
 Kami semua makan bersama-sama.
7. **jenuh bom chik samak samak*
 Semua ramai makan sama sama
 Semua ramai makan bersama-sama.

Berdasarkan dapatan, penggunaan *bom jenuh* merujuk kepada bilangan pelaku yang ramai, lebih daripada tiga orang, maka penggunaan *jenuh* menegaskan bilangan pelaku dalam ayat bahawa pelakunya adalah ramai seperti ayat (6). Kata kerja *chik* yang hadir selepas *bom jenuh* menunjukkan perbuatan tersebut dilakukan oleh ramai pelaku dalam maklumat ayat tersebut. Maka, maklumat dalam ayat membawa maksud bahawa perbuatan *chik* dilakukan oleh pelaku secara beramai-ramai. Walau bagaimanapun, sekiranya kedudukan *bom jenuh* berubah kepada *jenuh bom*, maka gabungan tersebut tidak menjadikan pasangan leksikal tersebut sebagai KGND kerana dasarnya, leksikal masing-masing mempunyai makna tersendiri (semua dan masing-masing). Ayat tersebut juga merupakan ayat janggal sekiranya dituturkan oleh penutur bahasa Kintaq. Maka, ayat (7) tidak digunakan oleh penutur bahasa Kintaq. Rajah 6 menunjukkan kedudukan *bom jenuh* dalam struktur ayat.

Rajah 6
 Rajah Pohon Ayat (6)



Leksikal *bom* dan *jenuh* kedua-duanya merujuk kepada kata bilangan yang boleh digunakan secara berasingan dalam ayat. Namun begitu, sekiranya digunakan bersama, maka fungsi kedua-duanya akan berubah kepada KGND pertama jamak, *kami semua* yang digunakan sebagai subjek dalam ayat seperti rajah pohon ayat (6). Leksikal *bom* perlu dihadiri sebelum leksikal *jenuh* untuk berfungsi sebagai KGND sebagai subjek dalam ayat, dan sekiranya posisi tersebut berubah, maka ayat tersebut akan menjadi janggal. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6, *bom jenuh* yang merujuk kepada *kami semua* menjadi subjek dalam ayat tersebut, digandingkan bersama predikat *chik samak-samak* untuk memberikan maklumat kepada pendengar mengenai subjek jamak yang melakukan kata kerja dalam ayat bahasa Kintaq tersebut.

Kata Ganti Nama Diri Kedua

Bagi KGND kedua untuk *kamu* atau *awak* pula, bahasa Kintaq menggunakan *mu* sebagai KGN dalam pelbagai konteks perbualan. Penggunaan KGND kedua dalam bahasa Kintaq adalah seperti berikut:


8. *mu* chip pek tih
Awak pergi ke sana
Awak pergi ke sana.

Berdasarkan ayat (8), penggunaan *mu* pada posisi subjek menjadikan KGN tersebut sebagai kepala bagi ayat tersebut yang juga membawa peranan sebagai kasus agentif atau pelaku dalam binaan ayat. Kehadiran *mu* sebelum kata kerja *chip*, bermaksud pergi, juga memberikan maklumat bahawa KGN *mu* sebagai pelaku yang pergi ke sana, secara lengkapnya dalam bahasa Kintaq, *mu chip pek tih*. Maka, posisi *mu* ketika berada di posisi subjek akan memberikan fungsi kepada leksikal tersebut sebagai subjek dalam ayat. Oleh itu, maklumat yang diterima oleh pendengar secara asasnya telah lengkap dengan kehadiran subjek *mu* dalam ayat tersebut. Rajah 7 menerangkan struktur ayat tersebut.

Seperti KGND pertama, leksikal *mu* yang boleh membawa maksud *awak* dalam bahasa Melayu, juga mempunyai peraturan yang sama, sekiranya ingin dijadikan sebagai subjek dalam ayat. Bagi rajah pohon ayat (8), leksikal *mu* bergerak ke bawah payung Fk₁ untuk menjadi subjek ayat meninggalkan bekas pada Fk. KGND kedua *mu* yang menjadi subjek ayat, dijadikan sebagai kepala ayat, yang digabungkan bersama predikat *chip pek tih*, yang memberi maklumat, *awak pergi ke sana*. Maka, posisi *mu* yang berada pada posisi subjek menjadikan KGND tersebut sebagai subjek dalam ayat.

Rajah 7

Rajah pohon ayat (8)



Dalam beberapa perihal, penggunaan *uk* juga dikelaskan sebagai KGND kedua *kamu*, namun perlu dihadiri dengan penjodoh bilangan *belak* yang bermaksud *seorang*. Sekiranya *uk belak* dihimpunkan dalam binaan ayat, maka kedua-dua leksikal tersebut akan membentuk KGND kedua *kamu seorang* dan dijadikan subjek dalam ayat. Berikut merupakan contoh bagi leksikal tersebut:

9. *uk belak* penguh kelin hiyak
 Kamu seorang main dalam rumah
 Kamu seorang bermain di rumah.


10. **belak uk* penguh kelin hiyak
 Seorang dia main dalam rumah
 Seorang dia bermain di rumah.

Berdasarkan data, *uk* pada asalnya merupakan KGND ketiga *dia*, yang akan dijelaskan pada subtopik seterusnya. Walau bagaimanapun, berdasarkan responden yang memahami bahasa Kintaq, dengan menggabungkan *uk* dan *belak*, perubahan fungsi juga berubah daripada orang yang ketiga kepada orang kedua, iaitu berdasarkan ayat (9). Maka, subjek dalam ayat (9) berubah dari sudut pandang orang ketiga kepada kedua, *kamu seorang*, yang dihadiri kata kerja *penguh*, bermain selepasnya. Struktur ayat (9) yang telah lengkap maklumatnya akan mudah difahami oleh pendengar dengan maksud bahawa subjek yang dimaksudkan merupakan orang yang kedua. Namun begitu, sekiranya kedudukan *belak* mendahului *uk*, maka ayat tersebut akan dianggap janggal kerana *uk* hanya boleh berdiri seorang sekiranya

menjadi KGND ketiga tanpa memerlukan penjodoh bilangan *belak* sebagai seorang. Penutur bahasa Kintaq juga tidak menggunakan *belak* bersama *uk* untuk menggambarkan *dia seorang*. Oleh itu, ayat (10) ialah ayat yang janggal dalam struktur ayat bahasa Kintaq dan tidak digunakan oleh penutur bahasa Kintaq. Rajah 8 merupakan rajah pohon bagi struktur ayat (9).

Rajah 8

Rajah Pohon Ayat (9)



Bagi fenomena ini pula, leksikal *uk* pada asalnya merupakan KGND ketiga tunggal *dia*, yang akan dibincang pada subtopik seterusnya. Walau bagaimanapun, setelah leksikal tersebut digabungkan bersama *belak*, yakni *seorang*, maka KGND tersebut berubah fungsi kepada KGND kedua tunggal yang merujuk kepada *kamu seorang*, yang boleh berfungsi sebagai subjek dalam ayat dalam bahasa Kintaq. Namun begitu, kedua-duanya perlu digabungkan bersama, seperti dalam rajah pohon ayat (9), *uk* perlu mendahului *belak*, dan sekiranya *belak* mendahului *uk*, seperti ayat (10), maka ayat dianggap tidak gramatis.

Bagi KGND kedua jamak pula, penggunaan *jenuh* digunakan untuk menggambarkan *ramai* bagi KGND kedua seperti *ramai (kamu)* dalam bahasa Melayu. Kehadiran kata nama *hemik (orang)* perlu hadir selepasnya untuk membentuk KGND sebagai subjek dalam ayat tersebut. Walau bagaimanapun, apabila digabungkan *jenuh* bersama *hemik*, maka ayat tersebut akan berubah fungsi *jenuh* daripada *ramai* KGND kepada *ramai* kata bilangan. Maka, struktur gramatis yang lebih tepat adalah seperti ayat (11) dan struktur tidak gramatis digambarkan seperti ayat (12). Ayat berikut menerangkan fungsi *jenuh hemik* sebagai subjek KGND kedua.


- 11. *jenuh hemik belik ep pasa*
Ramai orang beli di pasar
Ramai orang membeli di pasar.

12. **hemik jenuh* belik ep pasa
 Orang ramai beli di pasar
 Ramai orang membeli di pasar.

Berdasarkan ayat (11) dan ayat (12), kehadiran *jenuh* pada asalnya akan membawa maksud *ramai* tanpa fitur KGN yang hadir bersamanya. Namun begitu, apabila dihadirkan bersama kata nama *hemik*, leksikal *jenuh* membawa fitur KGND kedua (*kamu*) bersamanya dan mengubah fungsinya dalam ayat untuk menjadi subjek ayat. Bagi gabungan *jenuh hemik* pula, ia hanya merujuk kepada bilangan orang dalam ayat, tanpa kehadiran KGN yang jelas. Rajah 9 menerangkan struktur ayat *jenuh hemik*.

Rajah 9

Rajah Pohon Ayat (11)



Fenomena lain yang berlaku seperti yang telah diuraikan boleh dilihat pada Rajah 9. Posisi *jenuh hemik* yang digabungkan dibawa ke bawah kepala Fkala untuk berfungsi sebagai subjek yang mewakili KGND kedua jamak tanpa menggunakan leksikal KGND khusus seperti bahasa Melayu. Proses semakan bagi mengisi posisi spek yang dilakukan membawa gabungan *jenuh hemik* merupakan padanan yang sesuai sebagai kepala ayat, meninggalkan bekas di bawah Fk. Maka, *jenuh hemik* membawa fitur KGND kedua jamak, diangkat menjadi subjek ayat telah ditandai dengan kasus nominatif. Predikat ayat (11) kemudiannya menjadikan ayat tersebut lengkap dengan kehadiran KK *belik* dan objek *ep pasa*.

Kata Ganti Nama Diri Ketiga

KGND ketiga pula, iaitu *uk* mewakili *dia* dalam bahasa Kintaq yang mewakili kata ganti diri tunggal, manakala bagi jamak pula ialah *gin* dan *wih*. Penggunaan *uk* boleh berfungsi sebagai subjek, objek dan pemilik, bagaimanapun untuk *gin* dan *wih*,

perbezaan jamak bagi kedua-duanya ialah *gin* mewakili jamak yang ramai, manakala *gin* terpakai bagi dua orang sahaja. Berikut merupakan contoh data bagi KGND ketiga untuk tunggal dan jamak dalam bahasa Kintaq:


13. *uk* *chep* *epol*
Dia pegang epal
Dia memegang epal.
14. *yek* *lihat* *uk* *lari* *da* *kəh*
Saya lihat dia lari ke sini
Saya melihat dia berlari ke sini.
15. *Bukuk* *ton* *uk*
Buku itu dia
Buku itu kepunyaannya.
16. *gin* *nyoi* *chinoi*
Mereka duduk sembang
Mereka duduk bersembang.
17. *wih* *chep* *epol*
Mereka pegang epal
Mereka memegang epal.

Bagi ayat (13), (14) dan (15), kedudukan *uk* didapati boleh diletakkan pada posisi subjek, objek dan pemilik tanpa sebarang kekangan. Keadaan ini membuktikan bahawa leksikal *uk* boleh berubah fungsinya dalam binaan ayat sekiranya kedudukannya berubah mengikut kesesuaian dan maklumat yang ingin disampaikan oleh penutur. Berbeza dengan kata ganti nama diri tunggal, kata jamak *gin* dan *wih* membawa maksud yang berlainan meskipun boleh berada pada posisi subjek kedua-duanya. KGND ketiga *gin* membawa maksud jamak yang tidak boleh dikira bilangannya menunjukkan bahawa sekumpulan orang yang mewakili KGND tersebut adalah terlalu ramai, berbeza dengan *wih* yang boleh dihitungkan jumlahnya, iaitu seramai dua orang. Maka, penggunaan *wih* akan digunakan sekiranya penutur ingin menggambarkan bahawa dalam ayat tersebut terdapat dua orang pelaku yang sedang memegang epal, maka ayatnya akan menjadi seperti ayat (16). Rajah 10 dan Rajah 11 masing-masing merupakan rajah pohon bagi ayat (13) dan ayat (16).

Bagi KGND ketiga tunggal, leksikal *uk* yang membawa maksud *dia* dijadikan sebagai subjek pada Rajah 10 bagi ayat (13). Posisi *uk* yang berada pada awal ayat, dilihat berada di bawah payung Fk₁, meninggalkan bekas di bawah Fk. Ayat (13) disempurnakan dengan predikat ayat *chep epol* yang membawa maksud *makan epal*. Maka, penggunaan *uk* sebagai subjek dalam ayat menjadikan ayat tersebut bermakna apabila leksikal tersebut berada pada posisi yang betul.


Rajah 10

Rajah Pohon Ayat (13)



Rajah 11

Rajah Pohon Ayat (16)



KGND ketiga jamak pula diwakili oleh leksikal *gin* yang membawa maksud mereka. Seperti bahasa Melayu, sekiranya KGND ingin menjadi subjek, maka posisi leksikal tersebut perlu diletakkan sebelum KK agar leksikal tersebut boleh dijadikan sebagai kepala ayat. Berdasarkan rajah pohon bagi ayat (16), *gin* hadir pada posisi

subjek, mendahului KK *nyoi* dan objek *chinoi*. Maka, ayat ini dilihat bermakna kerana *gin* dijadikan sebagai subjek diikuti KK dan objek, membentuk *gin nyoi chinoi* yang bermaksud “mereka duduk bersebang”.

Berdasarkan rajah pohon bagi ayat (16), leksikal *gin* boleh diubah kepada *wih* sekiranya penutur ingin menggambarkan bahawa situasi tersebut dilakukan oleh dua orang sahaja. Struktur binaan ayat tersebut masih sama dengan hanya menukarkan leksikal pada kedudukan subjek. Walau bagaimanapun, bagi fungsi pemilik untuk KGND *uk*, sekiranya penutur mengetahui jantina pemilik tersebut, maka penggunaan *uk* akan digugurkan dan digantikan dengan *temekal* bagi lelaki dan *mabey* bagi perempuan, namun kedua-duanya membawa fitur (*-nya*) bersama mereka. Ayat data berikut menunjukkan contoh tersebut:

18. *bukuk ton temekal*
Buku itu kepunyaannya (lelaki)
Buku itu kepunyaannya.
19. *bukuk ton mabey*
Buku itu kepunyaannya (perempuan)
Buku itu kepunyaannya.

Contoh ayat (18) dan (19) membuktikan bahawa sekiranya penggunaan jantina diketahui oleh penutur, maka penggunaan KGND ketiga *uk* akan digugurkan, namun fiturnya akan kekalkan kepada leksikal jantina dalam bahasa Kintaq, misalnya *temekal* dan *mabey* seperti dalam ayat (18) dan (19). Walau bagaimanapun, struktur ayat tidak terganggu dan ayat tersebut masih gramatis dari segi binaan dan maksudnya. Rajah 12, 13 dan 14 menunjukkan perbezaan antara ayat (15), (18) dan (19). Ayat (15) menunjukkan penggunaan KGND ketiga *uk* tanpa menyatakan jantina seseorang manakala ayat (18) dan (19) telah menyatakan secara langsung jantina individu yang dimaksudkan dalam ayat tersebut.

Bagi fungsi pemilikan, KGND bahasa Kintaq mempunyai peraturan yang sama seperti bahasa Melayu, namun wujud fenomena jantina dalam bahasa orang asli ini. Penggunaan pemilikan bagi KGND ketiga tunggal *uk* mempunyai ciri persamaan seperti bahasa Melayu, yang menunjukkan KGND digunakan selepas KN seperti dalam rajah pohon bagi ayat (11). Walau bagaimanapun, apabila pemilik tersebut diketahui jantinya, maka pergerakan ayat tersebut boleh dianalisis seperti yang digambarkan melalui Rajah 13 dan Rajah 14.


Bagi Rajah 13, pemilik bagi ayat tersebut diketahui jantinya merupakan seorang lelaki, maka KGND ketiga *uk* digantikan kepada *temekal* yang membawa maksud “lelaki”. Sekiranya pemiliknya merupakan seorang wanita, maka leksikal tersebut digantikan kepada leksikal *mabey* yang membawa maksud “perempuan”, seperti rajah pohon 14. Fenomena ini menunjukkan bahawa dalam bahasa Kintaq, wujud leksikal yang boleh membawa fitur KGND ketiga tunggal apabila digunakan untuk menunjukkan pemilikan dalam bahasa tersebut.

Merumuskan perbincangan di atas, KGND bagi bahasa Kintaq juga mempunyai pengkelasan pertama, kedua dan ketiga. Bagi KGND pertama, *yek* digunakan bagi penggunaan subjek tunggal yang boleh berfungsi sebagai *saya* dalam

ayat yang boleh menjadi subjek, objek, mahupun pemilik berdasarkan posisi kedudukan KGND tersebut. *Yam* pula digunakan untuk memberikan maklumat bahawa pelaku dalam ayat merupakan subjek “kita” sekiranya berada pada posisi subjek, manakala “kami” sekiranya berada pada posisi pemilik dalam struktur ayat bahasa Kintaq. Dalam KGND pertama juga wujud perubahan kata bilangan kepada kata ganti nama diri seperti *bom jenuh* yang asalnya merupakan “ramai”, namun apabila digandingkan bersama *jenuh*, fungsi *bom jenuh* berubah menjadi “kami semua” yang turut menjadi KGND pertama jamak.


Rajah 12

Rajah Pohon Ayat (15)




Rajah 13

Rajah Pohon Ayat (18)



Rajah 14

Rajah Pohon Ayat (19)



Bagi KGND kedua pula, *mu* dan *uk* merupakan penggunaan bagi “kamu” dalam bahasa Kintaq yang berperanan sebagai subjek dalam ayat. Walau bagaimanapun, berbeza dengan *mu*, *uk* memerlukan penjodoh bilangan *belak* bermaksud “seorang” untuk berfungsi sebagai subjek bagi KGND kedua, kerana sekiranya *uk* tidak dihadiri dengan penjodoh bilangan *belak*, maka fungsi *uk* berubah kepada KGND ketiga. Bagi KGND kedua jamak pula, tiada leksikal khusus yang digunakan bagi penutur bahasa Kintaq, namun mereka menggunakan leksikal *hemik jenuh* yang membawa maksud “ramai orang” untuk menunjukkan bahawa pelaku pada ayat yang digunakan ialah pelaku orang kedua.

Bagi KGND ketiga pula, *uk* merupakan leksikal “dia” yang digunakan dalam bahasa Kintaq sebagai subjek, objek mahupun pemilik bergantung kepada posisi leksikal tersebut. Bagi kategori jamak, *gin* dan *wih* kedua-duanya digunakan oleh penutur Kintaq bagi membawa maksud jamak, *gin* ialah tiga orang jumlahnya, manakala *wih* pula membawa kepada jumlah lebih daripada tiga. Keunikan dalam bahasa Kintaq terletak pada penggunaan pemilik tunggal *uk* yang berubah mengikut jantina yang dimaksudkan dalam ayat. Sekiranya jantina pemilik ialah lelaki, maka leksikal yang digunakan ialah *temekal*, manakala *mabey* digunakan untuk jantina perempuan. Leksikal *uk* digunakan sekiranya jantina pemilik tidak diketahui oleh penutur.

Rumusnya, penggunaan KGND bahasa Kintaq mempunyai leksikal yang tersendiri bergantung kepada situasi dan keselesaan penutur untuk menyampaikan maklumat dalam ayat dengan baik dan difahami maksudnya oleh penutur. Oleh yang demikian, penggunaan leksikal KGND yang digunakan oleh penutur Kintaq berubah mengikut konteks dalam ayat agar setiap maklumat yang ingin disampaikan

mempunyai makna yang tepat dan tidak menjadi nipurnama. Jadual 1 menyimpulkan himpunan KGND dalam bahasa Kintaq.

Jadual 1

Jenis dan fungsi setiap KGND dalam bahasa Kintaq

Jenis KGND	Leksikal KGND	KGND Kintaq	Subjek	Objek	Makna kepunyaan
Pertama	Saya	yek	/	/	/
	Kami	yam	/	/	/
Kedua	Awak/Kau	mu	/	/	/
	Kamu seorang	uk belak	/		
Ketiga	Dia	uk	/	/	/
	Mereka	Gin	/	/	/

Perbincangan

Bahasa Kintaq menggunakan KGND untuk menunjukkan kewujudan subjek dalam ayat bagi memastikan ayat yang dibina mempunyai pelaku agar tidak kedengaran janggal sekiranya didengari oleh pendengar. Jika dilihat pada Rajah 8, setiap leksikal KGND dalam bahasa Kintaq mempunyai fungsi yang tersendiri dan perlu hadir pada posisi yang tepat agar penggunaannya tidak dianggap janggal. Posisi subjek, objek dan kepunyaan menunjukkan bahawa kasus KGND boleh berubah fungsi berdasarkan kedudukannya dalam ayat. Walau bagaimanapun, beberapa leksikal KGND bahasa Kintaq mempunyai syarat yang memastikan mereka tidak boleh hadir pada posisi tertentu kerana sekiranya leksikal tersebut berada pada posisi yang tidak sepatutnya, maka pendengar tidak dapat memahami maklumat ayat dan ayat akan dianggap janggal serta tidak gramatis.

Meskipun terdapat leksikal bahasa Kintaq yang mempunyai persamaannya dengan bahasa Melayu, namun ada beberapa leksikal bahasa Melayu yang tidak ada persamaannya dalam bahasa Kintaq yang diterjemah secara langsung, tetapi memerlukan gabungan kata bilangan untuk berfungsi sebagai KGND. Gabungan *bom jenuh* yang kedua-duanya merupakan kata bilangan “ramai” dan “semua” masing-masing, namun apabila digabungkan, menjadi KGND pertama “kita”, dan sekiranya gabungan *jenuh hemik* pula akan menjadi “kamu semua” bagi jamak KGND kedua. Namun begitu, gabungan kata bilangan ini adalah gabungan leksikal yang berasingan yang menunjukkan bilangan apabila digabungkan dengan KGND. Isu ini menjadi persoalan kepada kajian ini, sama ada kerana ketiadaan leksikal khusus bagi jamak KGND kedua atau leksikal tersebut telah pupus ekoran daripada kepupusan penutur asli bahasa Kintaq, justeru perlu untuk dijawab bagi kajian yang akan datang. Setiap bahasa mempunyai leksikal KGND yang khusus untuk jenis KGND, maka kewujudan leksikal KGND mengikut jenis bagi bahasa Kintaq juga tidak mustahil wujud, namun sudah dilupakan atau jarang digunakan oleh penutur bahasa Kintaq ekoran daripada peminjaman kata daripada bahasa Melayu yang menyerap masuk ke dalam bahasa mereka. Tambahan juga, menurut responden, penggunaan isyarat badan juga sudah cukup untuk menunjukkan kepada pendengar mengenai pelaku bagi ayat yang

dituturkan. Sehubungan dengan itu, penggunaan leksikal-leksikal yang sama juga berubah fungsinya mengikut rujukan yang telah ditunjukkan oleh penutur bagi memudahkan maklumat yang ingin disampaikan boleh difahami oleh pendengar (Sultan & Suhaimi, 2012).

Tambahan pula, hasil kajian ini mendapati bahawa penggunaan leksikal “pergi” adalah berbeza sama ada KGND yang digunakan adalah KGND pertama atau kedua. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam KGND pertama, leksikal *chup* digunakan manakala KGND kedua pula telah menggunakan leksikal *chip*. Walaupun kedua-duanya mempunyai maksud yang sama tetapi varian yang berbeza, ini dapat membuktikan bahawa bahasa Kintaq boleh diterokai dengan lebih mendalam lagi terutamanya berhubung dengan varian-varian yang ada berdasarkan leksikal-leksikal yang selalu diguna pakai.

Penggunaan bahasa Kintaq juga banyak menggunakan singkatan dalam bahasa mereka, seperti yang berlaku pada bahasa Bateq, yang diulas oleh Ropiah et al. (2023), iaitu satu leksikal bahasa Bateq berubah fungsi apabila berada pada posisi yang berbeza. Oleh yang demikian, fenomena tersebut boleh juga berlaku dalam bahasa Kintaq kerana bahasa Kintaq juga merupakan golongan bahasa daripada suku kaum Negrito. Fenomena pengulangan leksikal juga turut berlaku dalam komuniti orang asli Negrito yang lain, berdasarkan temu bual bersama responden yang membenarkan leksikal tersebut berubah fungsinya sekiranya digunakan pada posisi yang berbeza dalam binaan ayat. Sehubungan dengan itu, kajian mengenai pengulangan leksikal dalam bahasa Orang asli juga perlu digiatkan oleh para pengkaji bahasa untuk mengetahui syarat dan peraturan yang membolehkan satu leksikal dalam bahasa orang asli yang boleh digunakan berulang kali dalam ayat namun berubah fungsinya sekiranya berada pada posisi berbeza. Fenomena ini menunjukkan bahawa keunikan bahasa orang asli Negrito sendiri yang membolehkan penuturnya untuk menggunakan leksikal yang sama dalam ayat, dalam masa yang sama, membina ayat yang singkat, namun mampu untuk memberikan maklumat yang lengkap kepada pendengar berdasarkan situasi dan isyarat yang diberikan oleh penutur. Maka, kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada kajian bahasa orang asli kelak.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini bertujuan mengkaji cara KGN digunakan dalam ayat bahasa Kintaq berdasarkan pendekatan Program Minimalis. Dengan menganalisis data linguistik primer suku Kintaq, penemuan mendedahkan persamaan dalam evolusi KGN, seperti anjakan semantik dan perubahan sintaksis dari semasa ke semasa, menyerlahkan sifat dinamik bahasa. Penerangan terhadap penemuan ini telah dijelaskan menerusi Program Minimalis yang menganalisis pembentukan ayat yang mengandungi KGN sehingga ke peringkat asas. Setiap KGN dalam bahasa Kintaq juga mempunyai kasus-kasus tersendiri apabila berada dalam posisi tertentu, sama ada nominatif, akusatif atau genitif, sama seperti kajian yang dijalankan oleh Sultan dan Yusuf (2023) mengenai kajian KGN orang asli Mah Meri. Walau bagaimanapun, kajian ini menumpukan kepada suku Kintaq sahaja. Oleh sebab itu, kajian masa hadapan boleh mengembangkan skop kajian dengan menjalankan kerja lapangan ke atas suku-

suku lain orang asli Negrito yang terdapat di Semenanjung Malaysia dan seterusnya melakukan perbandingan ke atas suku-suku yang terpilih.

Melangkah ke hadapan, kajian yang akan datang boleh meneroka kesan hubungan bahasa, dasar dan penghantaran budaya terhadap evolusi KGN. Penggunaan teori Program Minimalis merupakan antara pendekatan yang boleh memberikan gambaran yang jelas mengenai pembentukan ayat bahasa Kintaq yang membolehkan para pengkaji akan datang untuk menganalisis bahasa-bahasa orang asli Negrito yang lain. Pendekatan ini telah membantu pengkaji untuk merungkaikan ayat-ayat tersebut dengan memberikan label yang bersesuaian kepada leksikal-leksikal yang hadir dalam bahasa Kintaq. Kajian perbandingan yang memfokus kepada ciri linguistik tertentu mungkin memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang mekanisme perubahan bahasa. Menangani cadangan ini boleh meningkatkan pemahaman kita tentang tatabahasa KGN dan menyumbang kepada teori evolusi dan perubahan bahasa yang lebih luas.

Kelulusan Etika

Kajian penyelidikan ini telah mendapat kelulusan etika daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan rujukannya yang bernombor UKM PPI/111/8/JEP-2022-426. Protokol kajian telah disemak dan dianggap mematuhi piawaian etika untuk penyelidikan yang melibatkan responden manusia. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika dalam memastikan perlindungan hak, kerahsiaan dan kesejahteraan responden sepanjang proses penyelidikan.

Rujukan

- Abd Ghani, A., & Che Lah, S. (2015). *The Semang Kensiu orang asli of Lubuk Legong, Baling: Their language and cultural endangerment. Procedia – Social and Behavioral Sciences, 208*, 21-30.
- Brickell, T. C. (2023). *A grammatical description of the Tondano (Toundano) language* (Doctoral dissertation, La Trobe).
- Carnie, A. (2011). *Modern syntax: A coursebook*. University Press.
- Chomsky, N. (1995). *The minimalist program*. MIT Press.
- Creswell, J. W. (2013). *Steps in conducting a scholarly mixed methods study*. <https://digitalcommons.unl.edu/dberspeakers/48/>
- Hassan, A. (1973). Golongan-golongan kata dalam bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa, 17*(8), 368-382.
- Jalaluddin, N. H. (2001). Ganti nama Melayu: Satu definisi semula. *Jurnal Bahasa, 12*(1), 15-22.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2021). *Suku kaum*. <https://www.jakoa.gov.my/suku-kaum/>
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (2022). *Jadual taburan etnik orang asli mengikut negeri*. <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/jadual-taburan-etnik-orang-asli-mengikut-negeri/>

- Karim, N. S., M. Onn, F., Musa, H., & Mahmood, A. H. (2004). *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Radzi, H., Mohamed Sultan, F. M., Ahmad, Z., & Jalaluddin, N. H. (2011). Penggolongan kata bahasa Mendriq Negrito: Satu penelitian rintis. *Jurnal Linguistik*, 12, 1-22.
- Ropiah, M. A. M. N., Sultan, F. M. M., Sanari, N. F., & Zulkefli, N. A. S. (2023). Struktur sintaksis kala pada frasa kerja bahasa Bateq. *Jurnal Linguistik*, 27(1), 61-79.
- Soh, B. K. (2000). Kata sifat dalam klausa relatif: Konstruksi dan urutannya dalam frasa nama bahasa Melayu dan bahasa Mandarin. *Jurnal Bahasa*, 44(2), 251-264.
- Sultan, F. M. M. (2009). Struktur sintaksis frasa nama bahasa Bateq. *Gema Online Journal of Language Studies*, 9(1), 47-61.
- Sultan, F. M. M., Jalaluddin, N. H., & Radzi, H. (2010). *Sintaksis kata soal Argumen Bahasa Mendriq: Kerangka Minimalis*. *Jurnal Bahasa*, 10(2), 269-286. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8167/3715>
- Sultan, F. M. M., & Othman, S. A. B. (2021). Frasa topik dan fokus dalam bahasa Melayu: Analisis Program Minimalis. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(2), 195-214.
- Sultan, F. M. M., & Ramli, M. R. (2015). Kata ganti nama dalam bahasa Mendriq. *Gema Online Journal of Language Studies*, 15(3), 67-82.
- Sultan, F. M. M., Suhaimi, N. (2012). Kata soal dalam Dialek Kedah. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(2), 475-493.
- Sultan, F. M. M., & Yusof, S. N. B. M. (2023). Ganti nama Mah Meri: Satu analisis sintaksis. *Akademika*, 93(1), 175-189.
- Yusop, M. S., & Sabak, A. (2018). *Sari budaya dan bahasa suku Semai*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.